



## TEKS UCAPAN

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA  
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN PENANG GOES ORANGE 2021  
OLEH PENANG WOMEN'S DEVELOPMENT CORPORATION (PWDC)**

**PADA 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN) JAM 2:30 PETANG  
BERTEMPAT DI PENANG HARMONY CENTRE**

---

Bismillahirrahmanirrahim

**YB. Puan Chong Eng**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (AMMK)

Pembangunan Sosial & Hal Ehwal Bukan Islam

**Yang Berusaha Puan Ong Bee Leng**

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera

1. Saya berasa amat berbesar hati di atas jemputan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk melancarkan kempen "**Penang Goes Orange 2021**" peringkat Negeri Pulau Pinang.
2. Kempen "**Penang Goes Orange 2021**" atau PGO2021 dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terutamanya rakyat di negeri ini tentang isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Kempen ini juga dirangka untuk membuka ruang kepada mangsa keganasan rumah tangga dalam mencari jalan penyelesaian dan keluar daripada situasi tersebut.
3. Saya berasa kagum dengan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam **melestarikan kempen ini, yang mana PGO2021 merupakan penganjuran Edisi yang ke-8.**

Penambahbaikan terhadap pengisian kempen daripada kali pertama penganjuran pada tahun 2014 sehingga kini **menunjukkan bahawa PWDC sentiasa kreatif dalam memastikan penyampaian mesej kempenya kepada orang awam dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

4. Kempen “*Penang Goes Orange 2021*” bertemakan **Keluarga Selamat: Berhubung, Komited, Kolektif atau dalam Bahasa Inggeris *Safe Family: Connect, Commit, Collective*** membawa mesej untuk menyeru masyarakat untuk berganding bahu menyebarkan kesedaran dan membantu mangsa keganasan dalam mendapatkan pertolongan yang diperlukan.

5. Usaha untuk **mengekang masalah keganasan rumah tangga bukanlah tanggungjawab individu atau mangsa mahupun kerajaan semata-mata.** Akan tetapi penglibatan semua pihak termasuk orang sekeliling mangsa, jiran tetangga dan rakan sekerja adalah amat penting. Saya menyeru seluruh warga Pulau Pinang untuk turut serta dalam usaha menangani isu ini bersama-sama seperti kata pepatah “**Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh**”.

6. Peranan yang boleh dimainkan oleh orang awam dalam menangani keganasan rumah tangga adalah dengan melaporkan kes-kes keganasan rumah tangga kepada ketua komuniti atau pihak berkuasa berkenaan. Saya percaya, usaha sekecil ini mampu membawa perubahan yang besar terhadap seseorang individu yang menjadi mangsa keganasan. Setiap individu di negeri ini berhak untuk berasa selamat dan bebas menjalani rutin hidup hariannya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, terutamanya YB. Chong Eng, serta pasukan PWDC yang diketuai oleh Puan Ong Bee Leng kerana telah berjaya melestarikan kempen ini.

8. Terima kasih juga kepada rakan strategik, rakan kerjasama dan para penaja yang turut bersama memainkan peranan dalam memastikan kempen ini berjalan dengan jayanya.

9. Saya juga ingin menyeru kepada orang awam, syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO) untuk turut sama menyokong kempen ini, jadilah *First Support Point* kepada mangsa keganasan rumah tangga, baik jiran maupun keluarga.

10. Keganasan rumah tangga bukan isu keluarga berkenaan tetapi isu masyarakat. Kesan daripada keganasan rumah tangga bukan hanya menjelaskan ahli-ahli keluarga bahkan juga memberi impak negatif kepada komuniti dan masyarakat. Maka dengan itu, setiap daripada kita harus memainkan peranan aktif dalam membanteras keganasan rumah tangga.

### ***“Keluarga Selamat : Berhubung, Komited dan Kolektif”***

11. Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya, melancarkan Kempen “***Penang Goes Orange 2021***” Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.